

PROSES KERJA

BIDANG: PERJAWATAN	KOD: JN 23.1		
AKTIVITI: KEMALANGAN JALAN RAYA	SUB-AKTIVITI: KEMALANGAN JALAN RAYA YANG MELIBATKAN PEMANDU DAN KENDERAAN KERAJAAN		
PROSES KERJA	BORANG	UNDANG-UNDANG	JAWATAN
<ol style="list-style-type: none"> 1. Terima Laporan tentang kemalangan jalanraya. 2. Siapkan laporan kecederaan dan kerosakan. <ol style="list-style-type: none"> 2.1 Bagi Laporan kecederaan hantar Laporan tersebut kepada Pengarah Buruh dalam tempoh masa 10 hari selepas kemalangan dengan salinan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri. 2.2 Bagi Laporan kerosakan/kemalangan hantar Laporan tersebut kepada Setiausaha Kerajaan Negeri tidak lewat daripada 2 minggu selepas kemalangan berlaku dengan salinan kepada Setiausaha Kerajaan. 3. Tentukan jenia kemalangan: <ol style="list-style-type: none"> 3.1 Jika serious (kemalangan yang akhir dengan kematian atau kerosakan teruk ke atas kenderaan) ambil tindakan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 3.1.1 Adakan mesyuarat Lembaga Penyasat Jabatan secepat mungkin untuk menentukan sebab-sebab kemalangan berlaku. <ol style="list-style-type: none"> 3.1.1.1 Jika drebar dipercayai salah tahan kerja atau cegahkan dia daripada memandu kenderaan dengan serta merta. 3.1.1.2 Jika drebar dipercayai tidak salah, berikan drebar kerja lain sementara menunggu keputusan siasatan polis. 3.1.2 Dapatkan Laporan polis serta pengesahan mereka sama ada akan mendakwa drebar atau tidak. 3.1.3 Hantar semua Laporan iaitu Laporan Lembaga Penyasat Jabatan dan Laporan Polis serta perakuan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri. 3.1.4 Terima keputusan Setiausaha Kerajaan Negeri. 		Sruat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 4/1965	

PROSES KERJA	BORANG	UNDANG-UNDANG	JAWATAN
<p>3.1.5 Tentukan drebar akan dihadap di mahkamah.</p> <p>3.1.5.1 Jika tidak, ambil langkah untuk membatalkan tindakan dibutiran 3.1.1.1 atau 3.1.1.2 dan tindakan selanjutnya ditamatkan.</p> <p>3.1.5.2 Jika ya, ambil tindakan tatatertib dan ditahan kerja.</p> <p>3.1.6 Dapatkan keputusan mahkamah.</p> <p>3.1.7 Kemukakan keputusan kepada SUK.</p> <p>3.1.8 Terima keputusan SUK.</p> <p>3.1.9 Beritahu drebar.</p> <p>3.2. Jika kemalangan tidak serious, ambil tindakan seperti berikut:</p> <p>3.2.1 Dapatkan laporan polis.</p> <p>3.2.2 Hantar laporan polis kepada SUK.</p> <p>3.2.3 Terima keputusan SUK.</p> <p>3.2.3.1 Jika drebar setuju dengan keputusan SUK, jalankan tindakan tatatertib yang antara lain boleh termasuk satu-satunya ataupun lebih daripada denda-denda berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Surcaj atas sebahagian kos memperbaiki kerosakan kenderaan yang terlibat dalam kemalangan. ii) Tahan/henti kenaikan gaji. iii) Celaan iv) Tukar kerja <p>3.2.3.2 Jika tidak setuju dengan keputusan SUK, Drebar membuat rayuan.</p> <p>3.2.4 Hantar rayuan kepada SUK.</p> <p>3.2.4.1 Jika rayuan diluluskan, tindakan selanjutnya ditamatkan.</p>			

PROSES KERJA	BORANG	UNDANG-UNDANG	JAWATAN
<p data-bbox="374 170 777 254">3.2.4.2 Jika rayuan ditolak, ambil tindakan tatatertib seperti dibutiran 3.2.3.1.</p> <p data-bbox="202 286 319 310">4. Tamat.</p>			

JN 23.1 KEMALANGAN JALAN RAYA YANG MELIBATKAN PEMANDU DAN KENDERAAN KERAJAAN



